

**SOALAN NO. : 38**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Haji Irmohizam bin  
Haji Ibrahim  
[ Kuala Selangor ]**

**TARIKH : 12 MAC 2015 (Khamis)**

78

**SOALAN :**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-**

- a) sejauh manakah tindakan-tindakan yang dilaksanakan di bawah Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka oleh JAS di seluruh negara mulai bulan Februari 2014; dan
- b) sejauh mana penglibatan masyarakat melalui Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) bagi membantu memantau kes-kes pembakaran terbuka.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

(a) Berdasarkan tindakan-tindakan yang dilaksanakan di bawah Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun 2014, sebanyak 6,083 insiden pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara yang berpunca daripada kegiatan manusia dan kebakaran yang tidak disengajakan.

Bagi tindakan penguatkuasaan untuk tempoh yang sama, sebanyak 474 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 122 kes telah dikeluarkan Notis Amaran. Selain itu, sebanyak 47 kes pembakaran terbuka telah disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah. Daripada jumlah tersebut, 27 kes telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk memperolehi izin mendakwa, 4 kes telah digugurkan, 13 kes telah didaftarkan di

Mahkamah Seksyen untuk tujuan pendakwaan dan 3 kes telah selesai sepenuhnya.

(b) Bagi menangani peningkatan aduan pencemaran alam sekitar yang diterima daripada perbagai lapisan masyarakat, maka satu program yang dikenali sebagai Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) telah diperkenalkan di bawah payung Rakan Alam Sekitar (RAS) dan ianya menjadi *platform* penyaluran maklumat dan pemantauan secara berterusan khususnya bagi aduan aduan pencemaran yang berulang. Dengan kata lain pasukan ini bertindak sebagai "mata dan telinga" bagi isu pencemaran supaya membolehkan pihak Kementerian melalui Jabatan berkenaan mengambil tindakan cepat dan cekap dalam menangani masalah aduan pencemaran alam sekitar setempat.

Sehingga kini seramai lebih 700 orang dari kalangan ahli JKKK, Ketua Kampung, Penghulu, NGO, Komuniti

Agama atau Persatuan Taman Perumahan dan Rukun Tetangga serta dari ahli politik telah menganggotai 3P.

Sepanjang tahun 2014, sejumlah 64 laporan berhubung kes-kes pembakaran terbuka telah diterima daripada ahli 3P dan ianya menjadi input yang sangat penting dalam mempercepatkan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling.

Sekian, terima kasih.